



24 Februari 2014
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 04/2014

**KAWALAN AKTIVITI IMPORT/ EKSPORT AMANG DAN SEBARANG MINERAL
YANG MENGANDUNGI BAHAN RADIOAKTIF SEMULAJADI (*NATURAL
OCCURRING RADIOACTIVE MATERIAL, NORM*) BAGI KILANG AMANG KECIL**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai kawalan aktiviti import/ eksport mineral radioaktif kepada pengusaha kilang amang kecil.

LATARBELAKANG

2. Amang adalah tahi bijih timah dan ia merupakan bahan sampingan daripada aktiviti perlombongan bijih timah, yang diproses untuk mengasingkan mineral berat yang berharga yang mempunyai nilai ekonomi, daripada mineral berat yang tidak berharga dan tidak mempunyai sebarang nilai ekonomi. Amang kaya dengan mineral berat yang mengandungi unsur nadir bumi (*rare earth*). Di antara contoh mineral berat yang terdapat dalam amang adalah monazite [(La,Ce,Th)PO₄], ilminite [(FeTiO₃)], zircon [(Zr, Hf)SiO₄] dan xenotime [(YPO₄)].

3. Mineral berat ini adalah radioaktif kerana ia mengandungi beberapa peratus unsur Thorium dan Uranium yang mengandungi bahan radioaktif secara semula jadi (*Naturally Occurring Radioactive Material, NORM*). Amang juga boleh mengandungi sedikit kasitrat (timah oksid) yang hilang semasa pemprosesan awal, namun ia dalam kuantiti yang kecil. Industri mempertingkatkan amang melibatkan pemprosesan amang

kepada pekatan bijih timah dan mineral lain yang mempunyai nilai komersial seperti monazite, ilminite, zircon dan xenotime.

4. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) mendapati bahawa kawalan terhadap aktiviti import/ eksport amang yang dinyatakan di dalam Notis Pemberitahuan AELB Bil. 4/2001 adalah tidak selari dengan peruntukan yang ditetapkan dalam Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) 1994. Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) 1994 menetapkan mengenai takrifan Kilang Amang Kecil dan syarat-syarat pengecualian terhadap Kilang Amang Kecil daripada tidak dilesenkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Walau bagaimanapun, Perintah tersebut, tidak menetapkan sebarang peruntukan atau pernyataan mengenai kawalan terhadap aktiviti import/ eksport amang. Sehubungan dengan itu, Notis Pemberitahuan AELB Bil. 4/2001 adalah didapati tidak selari dengan Perintah tersebut.

KEPUTUSAN DAN ARAHAN AELB

5. Berikutan itu, AELB memutuskan bahawa:

- a) Pengusaha/ penjual/ pembekal amang yang **termasuk dalam takrifan** sebagai Kilang Amang Kecil di bawah Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) 1994, adalah **tidak tertakluk dengan kawalan secara perlesenan di bawah Akta 304**; dan
- b) Pengusaha/ penjual/ pembekal amang yang **tidak termasuk dalam takrifan** sebagai Kilang Amang Kecil di bawah Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) 1994, adalah **tertakluk dengan kawalan secara perlesenan di bawah Akta 304**.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

6. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta mulai dari notis ini dikeluarkan.

PENUTUP

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah,
Bahagian Dasar, Kod dan Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor
Emel: pbs@aelb.gov.my
Laman web: www.aelb.gov.my

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Notis Pemberitahuan AELB Bil. 04/2014 ini, maka Notis Pemberitahuan AELB Bil. 4/2001 bertarikh 20 Ogos 2001 adalah dibatalkan.